



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

*Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2  
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4  
62630 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000  
Faks : 603-8888 6021  
E-mel : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)  
Laman Web : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

---

### KENYATAAN MEDIA

#### JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

#### MEMUDAHCARA PENGIMPORTAN LEMBU HIDUP DARI THAILAND

1. Susulan kepada kebenaran semula pengimportan lembu hidup daripada negara Thailand, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan Department of Livestock Development Thailand (DLD) telah mencapai persetujuan protokol import lembu hidup pada Mac 2022. Satu perbincangan teknikal khas antara kedua pihak telah diadakan pada 24 Jun 2022 bertujuan memudahcara prosedur teknikal pengimportan lembu hidup dari Thailand untuk tujuan penyembelihan.
  
2. Persetujuan bersama telah dicapai dengan menambahbaik prosedur teknikal pengimportan lembu hidup dari Thailand sebagai penyediaan pilihan dalam perakuan bebas penyakit sumber import bagi memudahcara pengimportan lembu hidup dari negara tersebut untuk memenuhi keperluan bekalan penyembelihan ibadah qurban di Malaysia. Ini termasuk tempoh kuarantin di Malaysia disingkatkan kepada tiga (3) hari.
  
3. Pihak pengimport dan penternak dinasihatkan agar mematuhi syarat kesihatan veterinar yang dipersetujui berasaskan prosedur teknikal yang dimudahcara tersebut. Semua pihak terlibat dinasihatkan mendapatkan surat pemindahan

ternakan antara negeri untuk tujuan pemantauan, serta permit penyembelihan luar untuk tujuan penyembelihan qurban di luar rumah sembelih. Dokumen berkenaan boleh dipohon daripada pejabat perkhidmatan veterinar negeri atau daerah terdekat.

4. Tindakan ini penting bagi membolehkan pegawai perkhidmatan veterinar di negeri atau daerah menjalankan pemantauan dan pemeriksaan veterinar dalam memastikan ternakan yang akan dijadikan sebagai qurban bebas jangkitan penyakit dan karkas atau daging qurban yang diedarkan adalah selamat untuk dimakan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

28 Jun 2022